



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2012/2013**

<b>NAMA KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>PENGURUSAN SUMBER MANUSIA</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>BBP 20102</b>
<b>PROGRAM</b>	<b>:</b>	<b>SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL (BINAAN BANGUNAN, ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK, KATERING, KIMPALAN &amp; FABRIKASI LOGAM, MULTIMEDIA KREATIF)</b>
<b>TARIKH PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>JUN 2013</b>
<b>JANGKA MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM</b>
<b>ARAHAN</b>	<b>:</b>	<b>JAWAB SEMUA SOALAN</b>

**KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TUJUH (7) MUKA SURAT**

**S1 (a)** Nyatakan tiga (3) fungsi utama pengurusan sumber manusia dalam pembangunan sumber manusia.

(6 markah)

(b) Jelaskan tiga fungsi yang anda nyatakan dalam S1(a) dengan menggunakan satu konteks aplikasi (contoh: operasi kedai makanan segera)

(7 markah)

(c) Jelaskan dengan terperinci dua (2) impak positif dan dua (2) impak negatif globalisasi terhadap organisasi dan amalan pengurusan sumber manusia.

(12 markah)

**S2 (a)** Apakah yang dimaksudkan dengan analisis kerja?

(2 markah)

(b) (i) Senaraikan empat (4) kaedah untuk memikat individu iaitu calon luaran memohon kekosongan jawatan dalam sesebuah organisasi.

(4 markah)

(ii) Tujuan pegawai pengambilan pada peringkat proses permohonan ialah memilih calon-calon yang sesuai. Bakal calon boleh diperolehi dari pemohon dalaman dan luaran organisasi. Jelaskan dua (2) kebaikan dan dua (2) keburukan bagi pengambilan dalaman dan pengambilan luaran.

(8 markah)

(c) Temuduga adalah kaedah paling popular untuk mengumpul maklumat mengenai pemohon-pemohon pekerjaan. Huraikan dengan ringkas perancangan sebelum temuduga, semasa menjalankan temuduga dan selepas temuduga.

(11 markah)

- S3 (a) Huraikan secara ringkas dua (2) kaedah bagaimana tinjauan pendapatan boleh dilakukan.

(4 markah)

- (b) Jelaskan dua (2) perbezaan di antara pendekatan gantirugi dan ganjaran yang diterima oleh seorang jurujual dan seorang pengurus jualan.

(4 markah)

- (c) Baca petikan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

*Andaikan bahawa anda salah seorang daripada pegawai penilai bagi cikgu-cikgu di sekolah menengah. Semasa sesi penilaian dijalankan, adalah didapati pegawai penilai pertama memberikan markah sebanyak 60% kepada salah seorang cikgu, Encik Ahmad. Sebagai pegawai penilai kedua dan berdasarkan kepada pemantauan anda, jumlah markah ini sangat rendah di mana cikgu tersebut merupakan seorang yang berdedikasi dalam menyiapkan tugas dan mempunyai disiplin yang baik.*

- (i) Jelaskan dua (2) tindakan yang wajar anda lakukan sebagai pegawai penilai kedua.

(6 markah)

- (ii) Nyatakan tiga (3) kesan terhadap Encik Ahmad sekiranya beliau mendapat markah pencapaian prestasi akhir yang rendah.

(3 markah)

- (iii) Berdasarkan senario di atas, jelaskan empat (4) pendekatan umum bagi memastikan penilaian prestasi yang adil.

(8 markah)

- S4 (a) Terangkan dua (2) faktor yang menyebabkan penubuhan kesatuan sekerja.  
(4 markah)

- (b) Jelaskan tiga (3) manfaat bagi pekerja yang menyertai kesatuan sekerja.  
(6 markah)

- (c) Baca petikan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

*Salah satu daripada syarikat yang terkenal di Malaysia, Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) telah melaksanakan Skim Pemisahan Sukarela (Voluntary Separation Scheme, VSS) pada pertengahan tahun 2006. EON telah mengalami implikasi buruk hasil daripada permintaan yang lemah untuk kereta Proton. Kereta-kereta lain juga tidak mempunyai jualan yang baik. Terma-terma dan syarat syarat dalam skim ini adalah selaras dengan pakej VSS yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat yang lain. Pekerja EON yang memilih skim ini akan diberi pampasan 1.5 kali gaji darab tahun perkhidmatan, tertakluk kepada syarat maksima 24 tahun. Mereka juga menerima 2 bulan gaji setelah notis diberi, bantuan perubatan RM 1000 setiap seorang pekerja, dan gaji yang setimpal dengan cuti tahunan. (Sumber: The Star, 26 dan 27 July, 2006)*

- (i) Bincangkan sama ada skim VSS EON ini adalah wajar dari perspective etika pengurusan sumber manusia.

(5 markah)

- (ii) Jelaskan impak skim VSS yang berkenaan terhadap pekerja EON yang berprestasi baik dan pekerja yang berprestasi lemah.

(10 markah)

SOALAN TAMAT

**Q1 (a) Mention three (3) primary functions of human resource management (HRM) in human resource development.**

**(6 marks)**

**(b) Explain the three functions that you have mentioned in Q1(a) in an application context (example: fast food store operation)**

**(7 marks)**

**(c) Explain in detail two (2) positive and two (2) negative impact of globalization towards organization and human resource management practice.**

**(12 marks)**

**Q2 (a) What is the meaning of job analysis?**

**(2 marks)**

**(b) (i) List four (4) methods to attract external applicants to fulfill job vacancy in an organization.**

**(4 marks)**

**(ii) The purpose of evaluating officer at recruitment stage is to choose suitable candidates. Candidates can be internal or external applicants. Explain two (2) benefits and two (2) drawbacks for external and internal recruitment.**

**(8 marks)**

**(c) Interview is the most popular approach to collect information regarding job applicants. Describe briefly the planning involved before interview, during interview and after interview.**

**(11 marks)**

**Q3** (a) Describe briefly two (2) approaches on how a salary survey is conducted.

(4 marks)

(b) Explain two (2) differences between compensation and rewards approach for a salesperson and a sales manager.

(4 marks)

(c) Read the following passage carefully and answers the questions given.

*Assume that you are one of the evaluating officer for teachers in a secondary school. During the appraisal process, it was found that the first evaluating officer has given 60% to one of the teachers, Mr. Ahmad. As second evaluating officer and based on your observation, such a mark is very low where Mr. Ahmad is a dedicated teacher in job completion with good disciplines.*

(i) Explain two (2) appropriate actions that should be taken by second evaluating officer.

(6 marks)

(ii) Mention tiga (3) implications on Mr. Ahmad if he obtained a low final appraisal marks.

(3 marks)

(iii) Based on the above senario, explain four (4) general approaches to ensure a fair appraisal practice.

(8 marks)

**Q4** (a) Explain two (2) factors that brings to the establishment of trade union.

(4 marks)

(b) Explain two (2) benefits for workers that join trade union.

(6 marks)

(c) Read the following passage carefully and answers the questions given.

*One of Malaysia's best known companies, Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) conducted a VSS (Voluntary Separation Scheme) in mid-2006. EON has been badly affected by the weak demand for Proton cars. The other cars marketed by the company were also not selling well. The terms of the offer were in line with VSS packages provided by other companies. EON Employees who opted for the scheme were given compensation of 1.5 times their drawn salary times their numbers of years of service, subject to a maximum of 24 years. They also receive 2 month's wages in lieu of notice, medical assistance of RM 1000 per employee, and salary in lieu of annual leave. (Source: The Star, 26 and 27 July, 2006)*

(i) Discuss whether EON's VSS scheme is appropriate in the ethical perspective of human resource management.

(5 marks)

(ii) Explain the impact of such a VSS scheme towards performing and non-performing employees of EON.

(10 marks)

END OF QUESTIONS